

27/05/1998

Kurup nafi tersinggung tidak dipilih jadi KM

Muhd Yusuf Abu Bakar

KOTA KINABALU, Selasa - Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), Datuk Joseph Kurup hari ini menolak dakwaan sesetengah pihak termasuk penyokongnya kononnya dia kecewa kerana tidak terpilih sebagai Ketua Menteri baru menggantikan Datuk Yong Teck Lee.

Kurup berkata, beliau dengan penuh ikhlas menyokong keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pelantikan Tan Sri Bernard Dompok sebagai Ketua Menteri baru Sabah.

"Saya sudah memaklumkan kepada semua ahli dan pemimpin PBRs di Keningau, Kemabung dan Tenom supaya menerima sesiapa saja yang dipilih untuk menjadi ketua menteri baru," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya hari ini.

Beliau mengulas laporan muka depan akhbar tempatan hari ini yang memetik penasihat PBRs, Datuk Dr Herman Luping kononnya PBRs kecewa kerana Dr Mahathir tidak memilih Kurup sebagai ketua menteri sebaliknya Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS), Tan Sri Benard Dompok sebagai Ketua Menteri.

Menurut Luping, Kurup patut dipilih menjadi Ketua Menteri kerana ia adalah pemimpin Kadazandusun pertama yang menyertai BN. Malah ramai yang beranggapan Kurup akan menggantikan Yong sebagai Ketua Menteri mewakili Bumiputera bukan Islam.

Kurup yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, kenyataan Luping terhadap pelantikan Dompok sebagai ketua menteri baru adalah pandangan peribadi dan bukan pendirian PBRs.

"Luping adalah ahli biasa parti dan bukan penasihat PBRs seperti didakwa. Dia sepatutnya menghormati keputusan bukannya mempertikaikan ketetapan Perdana Menteri terhadap perkara itu," katanya.

Menurut Kurup, beliau sudah meminta Luping memohon maaf secara rasmi kepada Perdana Menteri dan Dompok mengenai kenyataan yang disiarkan dalam akhbar tempatan hari ini.

"Saya ingin menegaskan bahawa pendirian PBRs dan penyokongnya tidak berganjak malah menyokong penuh ketetapan yang dibuat Perdana Menteri berhubung isu pelantikan ketua menteri," katanya.

Kurup turut meminta Dompok memberi perhatian terhadap pelantikan wakil suku Murut untuk menganggotai Kabinet baru yang akan dibentuk akhir bulan ini.

"Saya sudah menghantar surat rasmi kepada Dompok mengenai pelantikan menteri dari suku Murut, bagaimanapun terpulang kepada Dompok untuk membuat keputusan," katanya.

(END)